



Dr. Mahathir sampaikan takziah pada ibu Zainuddin

Datuk Seri Dr. Mahathir Mahamad menyampaikan salam takziah kepada Puan Timah Bakar, 53, diatas kematian anaknya, Allahyarham Zainuddin Haji Arif, 29, di Kampung Pandan semalam.

Allahyarham Zainuddin, pemandu rasmi kepada Datuk Seri Dr. Mahathir, telah meninggal dunia kerana terlibat dalam kemalangan jalanraya kelmarin.

Menurut Puan Timah, Allahyarham telah menjadi pemandu rasmi kepada Perdana Menteri lebih setahun dan bercadang untuk berhenti dan kembali bekerja di tempat asalnya.

"Zainuddin juga berhasrat untuk mendirikan rumah tangganya pada bulan Ogos depan, tetapi nampaknya, hasratnya itu tidak tercapai," beritahu Puan Timah.

Berita mengenai kemalangan anaknya itu cuma diketahuinya lewat pagi, apabila beliau diberitahu bahawa dia tidak datang bekerja seperti biasa.

Datin Seri Siti Hasmah telah menziarahi ibu kepada Allahyarham Zainuddin kira-kira pukul 1.00 tengahari. Foto Berita Minggu.

No. Siri 2295
No. Penerimaan 39/85